SIARAN MEDIA

KARNIVAL MEGA 3 DIMENSI 2025 PERKUKUH JARINGAN EKONOMI LUAR BANDAR DAN CATAT SEJARAH SEBAGAI PENGANJURAN KARNIVAL USAHAWAN TERBESAR NEGARA

Karnival Mega 3 Dimensi 2025 (MK3D 2025) yang berlangsung mulai 30 Julai hingga 3 Ogos 2025 di MITEC, Kuala Lumpur merupakan penganjuran bersejarah yang menggabungkan tiga program keusahawanan utama negara iaitu

- Karnival Usahawan Desa (KUD) oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW);
- Sambutan Hari Peneroka FELDA (HPF) oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA); dan
- Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Bertemakan "Desaku Mendunia", MK3D 2025 mengangkat keusahawanan luar bandar ke peringkat global dengan penyertaan lebih 1,000 usahawan dan pempamer dari seluruh negara, sekali gus membuktikan iltizam kerajaan dalam memperkukuh jaringan ekonomi luar bandar secara holistik dan inklusif. **Kejayaan penganjuran ini turut diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai *Largest Entrepreneurship Fair* di Malaysia**.



Majlis perasmian MK3D 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, yang turut mengumumkan peruntukan melebihi RM680 juta khusus untuk memperkasa FELDA dan komuniti peneroka. Peruntukan ini meliputi subsidi diesel bagi mengurangkan kos operasi ladang, projek perumahan generasi baharu, pembangunan infrastruktur dan pengurusan risiko bencana, inisiatif digitalisasi komuniti, pembangunan kapasiti belia, serta kebajikan petugas FELDA. **Langkah strategik ini dijangka memberi manfaat langsung kepada lebih 3 juta warga peneroka dan generasi baharu FELDA di seluruh negara.**

MK3D 2025 turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem usahawan tempatan melalui peluasan akses pasaran, galakan transaksi niaga, peluang pembiayaan serta padanan perniagaan. **Sasaran nilai transaksi sepanjang penganjuran karnival ini telah melebihi RM209 juta yang merangkumi jualan tunai, pembiayaan usahawan serta potensi tempahan dan kerjasama perniagaan.**

Bagi merancakkan aktiviti perniagaan di lokasi, jumlah nilaian RM500,000 kupon penggalak jualan turut diedarkan secara percuma kepada pengunjung sepanjang karnival ini berlangsung. Inisiatif ini memberikan impak langsung kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan, selain memacu pertumbuhan sektor ekonomi luar bandar secara menyeluruh.



MK3D 2025 juga membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat dengan penganjuran Program Jualan Murah Keluarga Usahawan yang menawarkan potongan harga antara 20 hingga 30 peratus ke atas barangan keperluan harian dan produk tempatan. Selain itu, pelbagai aktiviti turut dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada peserta dan pengunjung, termasuk seminar keusahawanan, sesi padanan perniagaan, demonstrasi produk, serta pameran teknologi dan inovasi tempatan.

Secara keseluruhan, MK3D 2025 merupakan komitmen kerajaan dalam memperkasa rakyat dan merealisasikan agenda keusahawanan yang progresif serta menyatukan komuniti peneroka, usahawan desa dan industri tempatan dalam satu ekosistem pembangunan inklusif. Melalui pendekatan menyeluruh ini, MK3D 2025 mengangkat aspirasi desa ke arus perdana dan memperkukuh kedudukan komuniti luar bandar sebagai nadi pembangunan negara.

JAWATANKUASA PROMOSI, KOMUNIKASI DAN PUBLISITI
KARNIVAL MEGA 3 DIMENSI 2025
2 OGOS 2025